**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| | | |
|---|---|---|
| **TAJUK : BAYARAN SAGUHATI PENCERAMAH SAMBILAN** | | |
| RUJUKAN DOKUMEN : | | MUKASURAT : 1/7 |
| KELUARAN : 1 | PINDAAN : 1 | TARIKH UBAHSUAI : 21.03.2012 |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| 1. | Tuntutan Bayaran Penceramah | Pastikan Kenyataan Tuntutan Bayaran Penceramah dan Surat Jemputan Menjadi Penceramah sebagai dokumen sokongan disertakan. | Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2005 |
| | | 1. Semak bulan dan tahun kewangan, jika bukan tahun semasa pastikan Sijil AP58(a) disertakan dan memenuhi syarat berikut<br>a) tuntutan hendaklah dibayar dalam tahun kewangan kelulusan AP58(a) diterima.<br>b) baki peruntukan dalam tahun kewangan perbelanjaan dan baki peruntukan semasa adalah mencukupi. | AP58(a) |
| | | 2. Sekiranya syarat AP58(a) tidak dipatuhi, pastikan surat kelulusan perbendaharaan disertakan. | |
| | | 3. Tuntutan hendaklah dibuat mengikut Borang Permohonan 'Lampiran B' | Pekeliling Perbend Bil. 2 Tahun 2005 |
| | | 4. Pastikan butir-butir maklumat pegawai adalah lengkap seperti berikut :-<br><br>a) **Nama dicatatkan**<br><br>b) **Nama Jawatan Yang Disandang dicatatkan**<br><br>• Semak jawatan yang disandang untuk menentukan samada tugas hakiki pegawai adalah memberi syarahan/ ceramah atau menjadi fasilitator.<br><br>Sekiranya jawatan yang disandang adalah sama, maka pegawai adalah tidak layak menuntut apa-apa bayaran penceramah.<br><br>c) **Gred jawatan dicatatkan**<br><br>• Semak gred jawatan untuk memastikan kadar kelayakan pegawai.<br><br><u>Takrif Gred</u> :<br>Gred Gaji dibawah Sistem Saraan Malaysia mengikut Pekeliling Perkhidmatan bil 4 Tahun 2002. Pegawai yang memilih tidak menerima Sistem Saraan Malaysia boleh terus mengemukakan tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran dibawah pekeliling ini berdasarkan Gred/Kategori masing-masing dibawah Sistem Saraan Baru (SSB) / Kumpulan gaji masing-masing dibawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 (JKK 1976) mengikut mana berkenaan. | |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | | d) **Taraf jawatan dicatatkan**<br><br>Semak taraf jawatan untuk menentukan kadar bayaran penceramah.<br><br>Bagi pegawai yang telah bersara, pegawai bukan lagi merupakan kakitangan Kerajaan. Oleh itu, bayaran saguhati hendaklah mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 19 Tahun 2002.<br><br>e) **Gaji bulanan dan elaun memangku ( jika ada) dicatatkan**<br><br>• Semak gaji pokok pegawai untuk menentukan had maksimum elaun penceramah yang layak dituntut oleh pegawai dalam sebulan iaitu setengah daripada gaji pegawai.<br><br>Sekiranya pegawai memangku mana-mana jawatan, maka pegawai hendaklah mengisi di bahagian elaun memangku untuk menentukan kadar bayaran penceramah dalam sebulan.<br><br>f) **Butiran permohonan –**<br><br>➢ **Tarikh kursus / ceramah**<br><br>• Pastikan tarikh kursus/ceramah sama dengan di surat jemputan / panggilan daripada pihak pengajur.<br><br>➢ **Tempoh Dalam Jam**<br><br>• Semak tempoh dalam jam untuk menentukan kadar yang layak dituntut oleh penceramah.<br><br>Penceramah hanya layak menuntut kadar setengah jam bagi setiap setengah jam yang genap sekiranya waktu syarahan/ceramah yang ditetapkan oleh pengajur melebihi satu jam.<br><br>➢ **Jumlah tuntutan dicatatkan**<br><br>• Semak jumlah tuntutan berdasarkan kadar kelayakan dengan tempoh dalam jam. | KK/BP 108/79/6 – 1 Jld.6 (56) bth 28.12.2006 |

# JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

## PROSEDUR KERJA
## SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

| TAJUK : BAYARAN SAGUHATI PENCERAMAH SAMBILAN | | |
|---|---|---|
| RUJUKAN DOKUMEN : | | MUKASURAT : 3/7 |
| KELUARAN : 1 | PINDAAN : 1 | TARIKH UBAHSUAI : 21.03.2012 |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | | ➢ **Jumlah Besar**<br><br>• Semak sama ada jumlah besar tuntutan bulanan melebihi daripada gaji pokok termasuk elaun memangku untuk menentukan jumlah tuntutan pegawai tidak melebihi daripada kelayakan sebenar.<br><br>Sekiranya jumlah besar penceramah melebihi daripada setengah gaji pokok termasuk elaun memangku pegawai, maka pegawai hanya layak menuntut setengah daripada gaji bulanan pegawai.<br><br>Sekiranya pegawai menuntut elaun bayaran penceramah melebihi daripada kelayakan, maka pegawai tersebut hendaklah mengisi diruangan 2b di dalam borang permohonan penceramah (Jumlah lebihan tuntutan, Kementerian / Jabatan / Agensi, sertakan surat akuan daripada Kementerian/ Jabatan/ Agensi, Bil dan tarikh hendaklah diisi dengan lengkap)untuk memulangkan balik lebihan bayaran saguhati yang diterima.<br><br>**Takrif Bayaran Penceramah**<br>Bermaksud semua pegawai kerajaan (tetap/ kontrak / sementara / sambilan dan sangkut) yang memberikan syarahan/ceramah secara sambilan bagi sesuatu kursus atau majlis rasmi yang dianjurkan oleh Kementerian/Jabatan dalam atau luar waktu pejabat adalah layak di bayar saguhati. | |
| | | **Takrif Jawatan Tetap**<br>Seseorang yang dilantik secara tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan atau pihak yang diwakilkan kuasa olehnya. | Pekeliling Perkhidmatan Bil 8 Tahun 2000 |
| | | **Takrif Jawatan Kontrak**<br>Perlantikan seseorang calon atau pegawai untuk berkhidmat dengan agensi awam yang diuruskan mengikut peruntukan bagi tempoh tertentu berasaskansyarat perkhidmatan yang dipersetujui dalam perjanjian kontrak yang ditandatangani oleh calon. | Pekeliling Perkhidmatan Bil 2 Tahun 2003 |
| | | **Takrif Jawatan Pekerja Khidmat Singkat**<br>Pekerja yang diambil berkhidmat mengikut syarat yang ditetapkan dalam Panduan kepada Pekeliling Perkhidmatan ini. Mereka bukan pegawai awam atau pegawai sedang berkhidmat bagi maksud Perintah-Perintah Am Bab A 1973 | Pekeliling Perkhidmatan Bil 7 Tahun 1999 |

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| **TAJUK : TUNTUTAN BAYARAN PENCERAMAH** | | |
|---|---|---|
| RUJUKAN DOKUMEN : | | MUKASURAT : 4/7 |
| KELUARAN : 1 | PINDAAN : 1 | TARIKH UBAHSUAI : 21.03.2012 |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | Tuntutan Bayaran Penceramah | **<u>Takrif Jawatan Sementara</u>**<br>Jawatan yang diwujudkan untuk menjalankan sesuatu fungsi bagi suatu tempoh tertentu di mana peruntukan emolumennya ditetapkan di bawah anggaran belanja mengurus dan tersenarai dalam senarai perjawatan<br><br>**<u>Takrif Jawatan Sangkut</u>**<br>Seseorang yang diambil berkhidmat oleh Ketua Jabatan yang dibayar elaun bulanan berdasarkan kepada gaji minimum kepada jawatan mereka disandarkan (sekiranya mempunyai kelayakan penuh) atau dikurang satu pergerakan dari gaji minimum (sekiranya tidak memiliki kelayakan penuh).<br>Tempoh perkhidmatan tidak boleh diambilkira untuk faedah persaraan jika pegawai dilantik tetap. Pengambilan dihadkan hanya bagi perkhidmatan dalam Kumpulan Pengurusan. | |
| | | 5. **<u>Semak Kenyataan Tuntutan Bayaran Penceramah</u>** | |
| | | 5.1 Semak penyata tuntutan pegawai adalah lengkap dengan surat jemputan ceramah / surat panggilan atau surat arahan daripada ketua jabatan atau penganjur.<br><br>**<u>Takrif</u>**<br>• Pegawai yang memberi syarahan/ceramah atau fasilitator yang mendapat kelulusan ketua jabatan<br><br>• Memberi syarahan / ceramah atau menjadi fasilitator bukan merupakan sebahagian daripada tugas pegawai. | Pekeliling Perbend Bil 2/2005 para 3 (iii) |
| | | • Sekiranya pegawai berkenaan bukan dari unit/ seksyen/ cawangan/ bahagian yang menganjurkan program tersebut, beliau layak mendapat bayaran sebagai penceramah sambilan di bawah Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2005 tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-<br><br>a) Pegawai bukan dari unit latihan<br>b) Pegawai bukan urusetia program; dan<br>c) Memberi ceramah bukan sebahagian daripada tugas hakiki pegawai<br><br>• Pegawai dari unit / institut latihan / pengajian, maktab / institut perguruan dan sekolah di mana tugas memberi syarahan / ceramah adalah sebahagian daripada tugas mereka, bayaran saguhati boleh dibayar sekiranya kursus / bengkel / majlis rasmi bukan dianjurkan dan bukan merupakan program jabatan / institusi / maktab / sekolah yang sama. | **Surat Kem. Kewangan ruj : KK/BP 108/79/6-1 Jld. 7(68) bertarikh 13 Oktober 2008** |

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| **TAJUK : TUNTUTAN BAYARAN PENCERAMAH** | | |
|---|---|---|
| RUJUKAN DOKUMEN : | | MUKASURAT : 5/7 |
| KELUARAN : 1 | PINDAAN : 1 | TARIKH UBAHSUAI : 21.03.2012 |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | | **<u>Kadar Bayaran Saguhati Mengikut Kumpulan Perkhidmatan Bagi Pensyarah / Penceramah Sambilan dan Fasilitator Sambilan.</u>**<br><br>Semak bayaran berdasarkan jadual dibawah: | Pekeliling Perbend Bil 2/2005 Para 2 |

| Kumpulan Perkhidmatan | Kadar Bayaran Saguhati | | Had Maksimum Sebulan |
|---|---|---|---|
| | Pensyarah / Penceramah Sambilan | Fasilitator Sambilan | |
| Kumpulan Pengurusan Tertinggi | RM 300.00 sejam | RM 100.00 sejam | Tidak melebihi ½ daripada gaji bulanan pegawai |
| Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 53 & 54 | RM 200.00 sejam | RM 100.00 sejam | |
| Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 45 – 52 | RM 150.00 sejam | RM 90.00 sejam | |
| Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 41 – 44 | RM 120.00 sejam | RM 80.00 sejam | |
| Kumpulan sokongan | RM 80.00 sejam | RM 60.00 sejam | |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | | 5.2 Semak penyata tuntutan dengan surat jemputan ceramah atau surat panggilan samada pegawai ini sebagai penceramah atau urusetia, maka pegawai tidak layak menuntut bayaran penceramah.<br><br>• Urusetia yang memberi syarahan/ ceramah atau fasilitator dalam program yang dianjurkan<br><br>5.3 Semak ataurcara majlis untuk menentukan penceramah/pensyarah/fasilitator sambilan untuk mengetahui samada diberi cenderamata, maka pegawai tidak layak menuntut bayaran penceramah.<br><br>• Pensyarah/penceramah/fasilitator sambilan yang diberikan cenderamata<br><br>6. **Perakuan**<br><br>Semak samaada kenyataan tuntutan di ruangan Pengakuan diisi dengan lengkap.<br><br>6.1 Tarikh, tandatangan dan nama pegawai yang memohon hendaklah dilengkapkan.<br><br>7. **Bahagian II – A) Ulasan ketua jabatan**<br>Semak sama ada kenyataan tuntutan di ruangan Tarikh , tandatangan ketua jabatan ,nama jawatan dan cop jabatan diisi dengan lengkap.<br><br>8. **Bahagian B) Pengesahan Ketua Jabatan**<br>Semak sama ada kenyataan tuntutan di ruangan Tarikh, tandatangan ketua jabatan ,nama jawatan dan cop jabatan diisi dengan lengkap.<br><br>9. **Bahagian III - Keputusan permohonan**<br>Semak sama ada kenyataan tuntutan di ruangan Diluluskan/ tidak diluluskan (potong yang mana tidak berkenaan) tarikh , tandatangan ketua jabatan ,nama jawatan dan cop jabatan diisi dengan lengkap.<br><br>10. **Pastikan dokumen sokongan berikut dikepilkan :-**<br><br>a) Surat jemputan menjadi penceramah<br>b) Surat kelulusan daripada Ketua Jabatan yang berkenaan. | Pekeliling Perbend Bil 2/2005 |

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| **TAJUK : TUNTUTAN BAYARAN PENCERAMAH** | | |
|---|---|---|
| RUJUKAN DOKUMEN : | | MUKASURAT : 7/7 |
| KELUARAN : 1 | PINDAAN : 1 | TARIKH UBAHSUAI : 23.03.2012 |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | | 11. Bagi pembayaran penceramah daripada **agensi bukan kerajaan**, maka bayaran penceramah hendaklah diuruskan menggunakan **Pesanan Kerajaan** mengikut AP190(a) iaitu secara pembelian terus/ sebut harga/ tender mengikut nilai perolehan yang berkenaan. | Surat Pekeliling Perbend Bil 19/2002 |
| | | 12. Semak samada kod objek yang dipertanggungkan di atas baucar bayaran adalah **menggunakan objek lanjut di bawah objek sebagai 29107.** | Pekeliling Perbend Bil 5/2004 |

**KEMENTERIAN KEWANGAN**
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
PERCINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62592 PUTRAJAYA

Tel : 03-8882 3000
Cabel : TREASURY, KL
Telex : FEDTRY MA 32369
Fax : 03-8882 3893
03-8882 3894
Web : http://www.treasury.gov.my

KK/BR 108/79/6 –1 Jld.6(56)

28 Disember 2006

TERIMA
09 JAN 2007

Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Cawangan Pulau Pinang
Tingkat 42, KOMTAR
**10000 PULAU PINANG**
(u.p: Encik Mat Nazri bin Harmine)

Tuan,

**Pengesahan Kadar Bayaran Penceramah Sambilan Bagi Pesara**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada surat tuan bil. ANM(T)PG.466(59) bertarikh 6 Disember 2006 berhubung dengan perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pesara bukan lagi merupakan kakitangan kerajaan. Sehubungan itu, bayaran saguhati pensyarah/penceramah bagi pesara hendaklah mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 19 Tahun 2002.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(OTHMAN BIN ABDULLAH)**
Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam
Dan Khidmat Pengurusan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan.
Saguhati-penceramah sambilan(pesara)

s.k. Pengarah
Pusat Pergigian Kanak-kanak &
Kolej Latihan Pergigian Malaysia
3 Jalan Sepoy Lines
**10450 PULAU PINANG**
(u.p: Dr. Asilatul Hana binti Abdullah Sani)

| | | |
|---|---|---|
| | | [illegible]MAN |
| PEG. PERGIGIAN | | |
| KETUA LAT. JP | | |
| KETUA LAT. JT | | |
| KETUA LAT. [illegible]P | | |
| PENYELIA JP | | |
| KLINIKAL JT | | / |
| PPT | | |
| PA | | |
| Tindakan / Makluman | | |

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
NO. 5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62592 PUTRAJAYA

Tel. 03-8882 3000
Cable : TREASURY, KL
Faks : 03-8882 3893
03-8882 3894
Web : www.treasury.gov.my

KK/BP 108/79/6-1 Jld. 7(68)

**SEGERA/DENGAN FAKS : 04-261 3508**

13 Oktober 2008

Pengarah Kesihatan Negeri
Pulau Pinang
Jabatan Kesihatan Negeri
Tingkat 37, Komtar
**10590 PULAU PINANG**
(u.p.: Puan Siti Hasmah binti Othman)

Tuan,

**Memohon Untuk Mendapatkan Penjelasan Bagi Bayaran Saguhati Kepada Penceramah Sambilan**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada surat tuan Ruj: Bil.(47)dlm.PPK / KEW/1 bertarikh 9 Mei 2008 berhubung dengan perkara di atas.

2. Perbendaharaan telahpun meneliti perkara tersebut dan adalah dimaklumkan bahawa sekiranya pegawai berkenaan bukan dari unit/ seksyen/ cawangan/ bahagian yang menganjurkan program tersebut, beliau layak mendapat bayaran sebagai penceramah sambilan di bawah Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2005 tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

i. pegawai bukan dari unit latihan;

ii. pegawai bukan urusetia program; dan

iii. memberi ceramah bukan sebahagian daripada tugas hakiki pegawai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(MOHD RADZI BIN ABD HAMID)**
Bahagian Dasar Saraan,
Wang Awam Dan Khidmat Pengurusan,
b.p: Ketua Setiausaha Perbendaharaan

☎ 03-8882 3104
🖷 03-8882 4136
✉ radzi.hamid@treasury.gov.my